

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN**

ABD HAMID (B) [LUMUT]

TARIKH : 18.5.2016 (RABU)

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan untuk menyiasat Skim Jualan yang dilaksanakan oleh Gano Excel Enterprise Sdn. Bhd. yang didakwa tidak jujur kepada ahli-ahli khususnya yang berurusan di daerah Kuala Kangsar yang merasakan mereka telah tertipu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Syarikat **Gano Excel Enterprise Sdn. Bhd.** mempunyai Lesen Jualan Langsung bagi Pelan Pemasaran Berbilang Tingkat untuk tempoh **lima (5) tahun** bermula **4 April 2014** hingga **3 April 2019**. Syarikat ini telah beroperasi selama 20 tahun dan memasarkan peralatan dapur, barang penjagaan diri, barangan rumah dan produk kosmetik yang mempunyai notifikasi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga kini, pihak Kementerian **tidak menerima sebarang ketidakakuran atau aduan** daripada ahli, pengguna atau orang awam **terhadap skim jualan langsung yang dijalankan oleh syarikat ini.**

Pihak Kementerian memandang serius terhadap sebarang aduan skim jualan yang diterima dan telah menjalankan naziran dari semasa ke semasa terhadap syarikat yang mempunyai lesen jualan langsung bagi memantau aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan kelulusan pelan pemasaran yang telah diberi dan diluluskan. Sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran syarat, pihak Kementerian akan menjalankan siasatan lanjut dan tindakan akan dikenakan ke atas setiap kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

Berdasarkan Seksyen 27B(1) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid (AJLSAP) 1993 yang menyatakan bahawa, tiada seorang pun boleh mempromosikan atau menyebabkan supaya dipromosikan sesuatu skim piramid. Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh (a) *"jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak kurang daripada RM1 juta dan tidak lebih daripada RM10 juta dan bagi kesalahan kali kedua atau yang*

berikutnya, didenda tidak kurang daripada RM10 juta dan tidak lebih daripada RM50 juta.” (b) “jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak kurang daripada RM500 ribu dan tidak lebih daripada RM5 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada RM1 juta dan tidak lebih daripada RM10 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.”

Pihak Kementerian amat mengalu-alukan kerjasama daripada Yang Berhormat, pengguna dan orang awam yang mempunyai maklumat untuk membuat aduan rasmi kepada Kementerian terhadap mana-mana syarikat yang menjalankan skim jualan langsung yang tidak beretika.